



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA PERINGKAT KPKT BERTEMAKAN “PERSEKITARAN LESTARI PEMACU MALAYSIA MADANI”

BANGI, 8 Oktober 2024 – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu telah menyempurnakan Sambutan Hari Kesihatan Persekutuan Sedunia (SHKPS) Peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tahun 2024 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre, Bangi, Selangor.

SHKPS 2024 bertemakan “**Persekutaran Lestari Pemacu Malaysia MADANI**” merupakan acara tahunan KPKT sejak tahun 2012 dengan objektif untuk mempromosi peranan dan sumbangan KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menjaga kebersihan dan kesihatan persekitaran, khasnya dalam menjagaan aspek pencegahan penyakit dan memelihara kesejahteraan komuniti di kawasan PBT.

Selain itu, SHKPS menjadi platform dalam kalangan pegawai-pegawai teknikal PBT dan para profesional dalam bidang kesihatan persekitaran untuk membentangkan kertas-kertas kerja saintifik, amalan terbaik (*best practice*) dan inovasi yang berkaitan dengan kesihatan persekitaran.

SHKPS 2024 turut memberi pengiktirafan kepada PBT yang cemerlang dalam pelaksanaan kempen-kempen kesihatan persekitaran anjuran KPKT bagi tahun 2024 dan Pertandingan Pengiktirafan Medan Selera Bersih di Kawasan PBT Tahun 2024.

Kempen Kesihatan Persekutuan KPKT melibatkan tujuh (7) sub program utama Kesihatan Persekutuan iaitu Kempen Cegah Wabak Denggi, Kempen Membasmi *Hotspot* Denggi, Kempen Membasmi Infestasi Tikus, Kempen Premis Makanan Bersih, Kempen Pasar Awam Bersih, Kempen Tandas Awam PBT Bersih “BMW” dan Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar.

Bagi menyokong pelaksanaan kempen-kempen ini, KP KT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM4,507,000.00 kepada PBT-PBT yang terlibat selama empat (4) tahun pelaksanaan kempen sejak tahun 2021. Pada tahun 2021, sebanyak RM1,248,000.00 telah disalurkan, tahun 2022 sebanyak RM1,000,000.00, tahun 2023 sebanyak sebanyak RM1,049,000.00 dan tahun 2024 sebanyak RM1,210,000.00.

Penganjuran SHKPS bertujuan menyokong aspirasi KP KT untuk memperkasakan peranan Kerajaan Tempatan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan persekitaran terbaik sekaligus memacu agenda utama KP KT ke arah membangunkan "Malaysia MADANI" dengan ciri-ciri persekitaran yang mampan sama ada dari segi *Built Environment* atau *Natural Environment* kepada rakyat Malaysia. Ini termasuklah aspek Infrastruktur Fizikal kemudahan awam, pengangkutan awam dan taman awam yang mencukupi dan Persekitaran yang Berkualiti seperti persekitaran yang selamat, sihat, ceria dan mengandungi unsur-unsur "*green environment*".

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#UnityInDiversity

#DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KP KT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KP KT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

